

Orang Melayu tak sokong Umno kalau Najib ikut cadangan Joseph Kurup

Free Malaysia Today

23 February 2013

PETALING JAYA: Presiden Perkasa, Datuk Ibrahim Ali mendakwa orang Melayu tidak akan menyokong Umno jika Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengikut cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup (gambar) supaya menghapuskan perkataan bangsa dalam setiap borang kerajaan.

Katanya, cadangan Kurup itu adalah melampau dan mempunyai niat jahat terhadap bangsa Melayu.

“Menghapus perkataan bangsa dalam apa jua borang, bererti menghapuskan perkara 153 perlembagaan terutama hak istimewa orang Melayu,” kata beliau kepada FMT.

Sehubungan dengan itu, beliau bertanya apa tujuan Kurup buat cadangan tersebut.

“Mungkin alasan perpaduan. Apakah kertas boleh menghalang perpaduan?” soal beliau.

Beliau yang juga bekas ahli parlimen Pasir Mas menambah kenapa ahli parlimen Pensiangan itu tidak mencadangkan sekolah satu aliran untuk capai perpaduan?

Katanya, pengenalan bangsa penting dalam borang selagi bangsa Melayu masih ketinggalan dalam banyak perkara.

“Sepatutnya Kurup yang juga dari suku kaum Dusun, Bumiputera Sabah tidak buat cadangan ini kerana dalam urusan pentadbiran perlu mengenali nama mengikut bangsa,” ujarnya.

Ibrahim mengingatkan Najib supaya berhati-hati dengan cadangan Kurup itu.

“Sesebuah negara ada bangsa dan agama dominannya mengikut sejarah seperti apa jua warisan sejarah,” tambahnya.

Katanya lagi, banyak lagi sebab-sebab kenapa perlu dikekalkan pengenalan bangsa di setiap borang.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/02/23/orang-melayu-tak-sokong-umno-kalau-najib-ikut-cadangan-joseph-kurup/>